

Headline	Berat Firdaus naik satu kilogram lagi		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	27 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	23	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	341 cm ²
Journalist	Maria Uffa Zulkafeli	AdValue	RM 11,755
Frequency	Daily	PR Value	RM 35,264



Berat Firdaus naik satu kilogram lagi

» *Emosi tunjuk perubahan positif, pindah wad biasa dalam 14 hari*

Oleh **Maria Uffa Zulkafeli**
dan **Mohd Amin Jalil**

▸ **Seremban**

Kadaan Muhammad Firdaus Dullah, 15, remaja kelainan upaya yang dimasukkan ke Hospital Tuanku Ja'afar Seremban (HTJS) minggu lalu selepas ditemui dalam keadaan tidak terurus di sebuah rumah di Nilai dan kini bertambah baik.

Pengarah HTJS, Datuk Dr Jaafar Che Mat, berkata berat badan remaja itu meningkat kira-kira satu kilogram berbanding 700 gram dua hari lalu dan dia dijangka dapat dipindahkan dari wad khas ke wad biasa dalam tempoh dua minggu lagi.

"Emosinya juga menunjukkan perubahan positif, tidak lagi takut setiap kali dirawat doktor atau jururawat. Bila dipanggil, dia berikan reaksi, berbanding sebelum ini hanya bertumpu kepada pengasuh dan ibunya, tidak mahu melihat orang lain, malah ada kala kelihatan takut dengan orang ramai.

"Sekarang sudah banyak per-

ubahan, cuma dia belum mahu senyum," katanya selepas majlis penyerahan cek RM3,000 oleh isteri Menteri Besar Negeri Sembilan yang juga Pengerusi Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita (NCWO) negeri, Raja Datin Seri Salbiah Tengku Nujumudin di hospital itu, semalam.

Kesan waris terdekat

Sementara itu, Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) negeri, Abdullah Hanapi, menyambut baik hasrat Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Aman yang memberi jaminan kerajaan negeri sedia membantu mengesan ahli keluarga atau waris terdekat remaja berkenaan.

Di **Petaling Jaya**, Yang Dipertua Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-Isteri (BAKTI), Datin

Seri Rosmah Mansor, berkata pertubuhan itu akan membuka akaun Tabung Haji (TH) khusus untuk Firdaus bagi memudahkan urusan perbelanjaan remaja terbabit.

"Kita cadangkan JKM ambil alih tanggungjawab mengurus akaun berkenaan terutama berkaitan keperluan dan perbelanjaan Firdaus," katanya selepas menghadiri majlis pembungkusan sumbangan Aidilfitri kepada pasukan keselamatan di Bangunan BAKTI Siti Hasmah, semalam.

Mewakili seluruh warga BAKTI meluahkan rasa dukacita dengan kejadian menimpa remaja berkenaan dan berharap perkara seumpama itu tidak berulang, Rosmah berkata, beliau bersama ahli BAKTI yang lain akan turut melawat Firdaus, Isnin ini bagi melihat perkembangan remaja berkenaan.

Firdaus ditemui dikurung dalam keadaan menyedihkan di sebuah rumah pangsa di Taman Semarak, Nilai oleh kakitangan Jabatan Imigresen yang menjalankan Ops Bersepadu 6P, Sabtu lalu. Ketika itu, fizikalnya terlahu kecil dan kurus serta hanya memakai baju reput terpalit najis dan air kencing.

Headline	Berat Firdaus naik satu kilogram lagi		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	27 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	23	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	341 cm ²
Journalist	Maria Uffa Zulkafeli	AdValue	RM 11,755
Frequency	Daily	PR Value	RM 35,264

